

30/03/2003

Ketawakan wira badut Hollywood!

Datuk Yusof Haslam

PEPERANGAN membawa makna yang tidak lain daripada kehancuran dan kemusnahan kepada pihak yang lemah. Apa lagi pihak yang lemah itu diperangi kuasa besar lain.

Begitulah nasib yang diterima Iraq yang menjadi mangsa serangan ganas Amerika Syarikat (AS). Alasannya ialah untuk menamatkan pemerintahan Presiden Saddam Hussein yang kononnya zalim dan menjadi paksi kejahatan dunia. Benarkah dakwaan AS itu? Saya rasa kanak-kanak di sekolah rendah pun boleh memberikan jawapannya.

Saya sendiri sebenarnya lebih cenderung mengatakan AS bukannya melancarkan perang untuk membela nasib rakyat Iraq tetapi mempunyai agenda tersendiri. Pencerobohan menakluki Iraq adalah untuk membentuk sebuah kerajaan baru yang menjadi boneka kepada AS di samping merampas hasil kekayaan minyak. Ini juga adalah cita-cita sekutu syaitan (Israel) yang tidak mahu melihat adanya satu kuasa Arab yang kuat di Asia Barat.

Kalau perkataan kezaliman menjadi ungkapan AS maka realitinya AS sendiri yang bertindak zalim dan di luar batasan kemanusiaan. Bagi AS nyawa rakyat Iraq terlalu murah. Apa yang penting ialah mencapai cita-cita kotor mereka untuk merampas sebuah negara yang sudah dilemahkan dengan pelbagai sekatan terutama ekonomi selama 12 tahun. Tidak cukup dengan taktik penipuan itu sebelum serangan, Iraq sudah dibogelkan tanpa sebarang senjata canggih bagi mempertahankan diri. Bayangkanlah betapa zalim dan baculnya satu kuasa besar yang berlagak sebagai samseng dunia.

Akan tertulis dalam sejarah, betapa AS yang mengaku jaguh demokrasi, sebenarnya adalah penjenayah paling kejam abad ini. Tindakan gila yang tidak boleh diterima masyarakat antarabangsa itu telah meletakkan AS dan sekutunya sebagai pengganas yang sebenar.

Saya seperti majoriti penduduk dunia mengharapkan pencerobohan dan keganasan AS ke atas Iraq dapat dielakkan kerana masih terbuka luas pintu mencari penyelesaian secara aman. Tetapi George W Bush tidak menghiraukan pendapat bahkan rayuan dunia. Bagi Bush apa saja yang mahu dilakukannya adalah halal mengikut tafsiran undang-undang ciptaan sendiri.

Presiden AS itu begitu angkuh hingga ke peringkat mengetepikan badan dunia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Ternyata sekarang PBB sudah hilang taring kerana jelas tunduk kepada tekanan satu kuasa besar yang kuat. Super power yang dimiliki AS menghalalkan segala tindakan kejam dengan memberi alasan yang tidak boleh diterima akal.

Benarlah seperti yang dikatakan Perdana Menteri kita Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa tindakan AS itu sebagai satu usaha yang menghancurkan sistem antarabangsa untuk menyelesaikan masalah dan tidak lagi berpegang kepada rule of law menyebabkan dunia menjadi huru hara.

Tidak mustahil selepas Iraq, dunia mungkin akan menyaksikan lebih banyak lagi negara kecil yang lemah ditindas atau hak mereka dirampas. Semoga dielakkan Allah SWT bencana seperti ini.

Di sebalik kehancuran Iraq kita juga harus mengkaji kenapa negara itu boleh menjadi mangsa sedemikian rupa. Kalau diimbaz kembali semuanya berpunca daripada kesilapan besar Saddam Hussein yang menakluki negara jirannya Kuwait pada tahun 1990. Kesilapan pemimpin itu telah memberi peluang kepada kuasa besar AS untuk melaksanakan cita-citanya. Sejarah telah membuktikan kesilapan seorang pemimpin boleh menghancurkan negaranya

sendiri. Amat menyedihkan Iraq yang dulunya adalah negara Islam terkuat di rantau Arab kini bakal menjadi hamba kepada satu kuasa besar yang kejam. Inilah cita-cita zionis yang sebenar.

Bagaimanapun kita harus menghormati semangat juang rakyat dan tentera Iraq dalam mempertahankan tanah air mereka. Dengan ketiadaan senjata canggih (akibat sekatan zalim kuasa besar) mereka masih mampu menumpaskan

ramai tentera AS dan sekutunya di medan perang. Ini memberi tamparan hebat

dan memalukan kuasa besar itu yang kononnya boleh melumpuhkan kuasa Saddam

Hussein dalam masa 48 jam. Jika AS menang sekali pun ia adalah satu kemenangan bacul yang amat memalukan. Dunia akan menjadi saksinya.

Dalam merenung kekalutan di Iraq kita harus bersyukur kepada Allah SWT kerana menjadi rakyat Malaysia yang masih mampu mengekalkan keamanan dan keharmonian hidup. Ini semua berkat perpaduan rakyat Malaysia sendiri yang

terdiri daripada pelbagai kaum. Perpaduan itu amat penting kita pelihara untuk selamanya sebagai benteng kekuatan negara. Harus diingat negara yang

rakyatnya tidak mempunyai perpaduan dan bersengketa sesama sendiri akan menjadi lemah dan mudah dijajahi kuasa asing.

Di samping mengekal dan mempertingkatkan perpaduan kita patut memberikan

sepenuh sokongan kepada segala langkah kerajaan untuk membersihkan anasir

yang boleh mengancam keselamatan. Kita jangan mudah melatah dengan sangkaan buruk terhadap segala tindakan kerajaan membendung setiap unsur yang boleh membawa padah kepada kehidupan rakyat.

Berbalik kepada pencerobohan AS ke atas Iraq yang tidak putus-putus diperkatakan oleh setiap lapisan masyarakat global, saya percaya ia akan menjadi bahan yang menarik untuk difilemkan di Hollywood. Percayalah! Tidak lama lagi akan lahirlah filem bertemakan peperangan di Iraq dengan pelbagai propaganda jijik yang mengagungkan Amerika Syarikat.

Yang pasti filem itu akan dibuat mengikut acuan kuasa besar yang meletakkan segala kebaikan dan keadilan di pihaknya. Realiti pasti akan diputar belit untuk menjadikan tindakan ganas AS sebagai satu perjuangan suci. Itulah yang dilakukan oleh pembikin filem Hollywood setelah AS tewas

dalam peperangan dengan Vietnam pada tahun 1975.

Tentera AS yang berperang di Vietnam digambarkan sebagai wira yang membawa kemenangan. Pada hal realitinya AS kalah teruk pada peperangan di

Vietnam yang menyebabkan moral AS jatuh begitu rendah. Moral yang tercalar itulah yang cuba diangkat semula oleh pembuat filem di Hollywood melalui sekian banyak filem berlatar belakangkan perang di Vietnam. Sebagai contoh, filem Rambo secara terang-terangan menipu penonton kononnya wujud seorang wira AS yang gagah perkasa dan mampu menewaskan ribuan tentera Vietcong.

Kita tunggulah saja untuk menyaksikan segala kebaikan, keadilan dan kehebatan tentera AS yang mencerooboh Iraq dalam sekian banyak filem yang bakal digarap oleh Hollywood tidak lama lagi. Seruan saya, boikot filem propaganda sebegini yang membuktikan kita rakyat Malaysia tidak boleh dimomokkan. Biarkanlah Hollywood dibuai khayalan dan mimpi palsu. Ketawakan saja wira badut yang mereka cipta itu.

Apa yang penting kita rakyat Malaysia mesti bersatu demi membina kekuatan negara. Buktikan kepada dunia luar bahawa rakyat negara ini dan sistem pemerintahannya adalah contoh terbaik dalam mempertahankan demokrasi.